

10/05/2003

Abdullah terharu pujian Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terharu dengan kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menganggap beliau lulus dengan cemerlang sepanjang dua bulan memangku jawatan Perdana Menteri.

Timbalan Perdana Menteri juga berharap kenyataan Dr Mahathir itu diterima baik serta dihormati oleh semua ahli parti dengan tidak lagi menjadikan ia bahan perbincangan atau tajuk perbincangan.

"Saya menghargai kenyataan itu. Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana ketika saya memangku jawatan itu, tidak ada apa-apa yang teruk berlaku, yang memudaratkan parti dan negara.

"Saya akan terus bekerja seperti biasa, sama ada Dr Mahathir berada dalam negara atau luar negara, saya tetap bekerja seperti biasa. Tentang apa yang berlaku kemudian, kita cakap kemudian," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Pengurusan Barisan Nasional (BN) semalam.

Pada sidang akhbar di Bintulu kelmarin, Dr Mahathir berkata beliau tetap akan melepaskan jawatannya pada akhir Oktober ini dan menganggap Abdullah telah lulus dengan cemerlang serta tidak merujuk kepada beliau mengenai apa-apa isu sepanjang beliau bercuti.

Dr Mahathir menjawab pertanyaan mengenai pandangan sesetengah pihak termasuk di peringkat Umno bahagian yang mahu beliau menarik balik keputusan melepaskan jawatan Perdana Menteri dan beliau juga diminta memberi penilaian terhadap timbalannya.

Ditanya apakah kenyataan Perdana Menteri itu akan menghentikan kenyataan yang meminta Dr Mahathir supaya tidak meneruskan hasratnya untuk bersara, Abdullah berkata:

"Kalau itu diterima dengan baik oleh ahli-ahli parti mungkin tidak ada apa-apa lagilah yang mereka nak bahaskan selepas itu atau nak jadi tajuk perbincangan dan sebagainya".